

on 26 July 2013

### Pelantikan Naib Canselor Unimas sah mengikut perundangan



Perlantikan naib canselor yang menggantikannya itu tidak sepatutnya dipersoalkan

KUCHING: Pelantikan Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) yang keenam, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi adalah sah dari segi undang-undang.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Prof. Dr. Morshidi Sirat berkata, pelantikan naib canselor yang menggantikannya itu tidak sepatutnya dipersoalkan.

"Pelantikan beliau ( Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi) dilakukan oleh menteri yang bertanggungjawab dan adalah menjadi tugas rutin menteri juga untuk melantik seseorang individu yang disifatkan memiliki kelayakkan menjawat sesuatu jawatan," tegasnya.

Beliau berkata demikian semasa menghadiri Majlis Berbuka Puasa Bersama Lembaga Pengarah Unimas (LPU) dan Majlis Penghargaan Mantan Naib Canselor Unimas di sini.

Jelas Morshidi, bagaimanapun menteri tidak boleh melantik seseorang itu jika bukan dalam skop tugasnya.

"Saya telah dilantik sebagai Naib Canselor Unimas yang kelima pada awal tahun ini dan tidak sampai 15 hari menjalankan tugas, saya telah menerima surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 16 April, yang memaklumkan bahawa saya dipindahkan di tempat baharu," ujarnya.

Justeru, Mantan Naib Canselor Unimas tersebut menegaskan, isu pelantikan naib canselor baharu yang menggantikannya tidak seharusnya timbul.

Selain itu, katanya, jabatannya sedang melakukan penstrukturkan semula jabatan memandangkan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran telah digabungkan semula menjadi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun ini.

"Penstrukturkan semula jabatan ini melibatkan banyak polisi seperti kajian, fungsi jabatan dan seumpamanya," katanya ringkas.

Dalam pada itu, kata Morshidi, cabaran kepada insititusi pengajian tinggi (IPT) hari ini semakin mencabar.

"Pihak universiti harus bijak mencari pendekatan sesuai untuk bekerjasama dengan sekolah antaranya menrancang program-program yang bersesuaian bagi membangunkan anak-anak kita daripada peringkat sekolah lagi sebelum memasuki peringkat lebih tinggi (universiti)," tegasnya.

Maka, beliau mengalakkan agar Unimas mengambil langkah proaktif dalam membantu dan bekerjsama dengan sekolah-sekolah di negeri ini terutamanya beberapa sekolah di kawasan pendalaman yang masih lagi kekurangan kemudahan pendidikan dan sebagainya.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Datu Dr. Hatta Solhi dan Naib Canselor Unimas, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi.

Source: [Free Malaysia Today](#)